

RUMUSAN KERTAS KERJA II.

Hukuman Sebat di dalam Undang-undang Islam
dan Undang-undang Awam di Malaysia.

oleh Professor Ahmad Ibrahim
Dekan Fakulti Undang-undang,
Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

1. Hukuman Sebat dalam Islam adalah Hukum Allah bukan ciptaan manusia.
 2. Hukuman Sebat yang dijalankan sekarang ini di penjara-penjara Malaysia bukanlah merupakan cara-cara hukuman Sebat yang dikehendakki oleh Islam.
 3. Tujuan Undang-undang Islam bukanlah semata-mata untuk menghukum atau menyakit atau mencederakan sesaorang tetapi tujuannya ialah untuk memberi ajaran, dan amaran kepada penjenayah-penjenayah dan orangramai, serta menegakkan keadilah Ilahi. (Hukum-hukum Islam mendidik dan mengasuh kaum itu supaya menjadi contoh dan tauladan kepada oranglain).
 4. Hukuman **sebat** mengikut cara Islam hendaklah dilaksanakan sebagai satu langkah permulaan ke arah melaksanakan Undang-undang Islam keseluruhannya.
 5. Hendaklah diperuntukkan suatu Akta yang membolehkan Mahkamah Syariah membicara dan menghukumkan kes-kes yang boleh dikenakan hukuman sebat.
 6. Bagi menyelaraskan hukuman sebat hendaklah diserah dan dirojok kepada pakar-pakar yang berkenaan.
 7. Patut diadakan penerangan untuk menyedarkan wakil-wakil Rakyat dan meyakinkan pemimpin-pemimpin yang bertanggongjawab di dalam meluluskan satu-satu Rang Undang-undang di dalam Parlimen berhubung dengan hukum-hukum Islam yang pasti dijalankan bersesuaian dengan Islam sebagai Ugama Negara.
 8. Hendaklah diadakan peruntukan Undang-undang yang membolehkan diambil tindakan ke atas orang-orang yang bukan Islam yang melakukan kesalahan Jenayah Syariah.
 9. Kepincangan masyarakat pada hari ini bukanlah merupakan suatu alasan untuk tidak boleh menjalankan hukum-hukum Allah.
 10. Hendaklah diadakan sekatan terhadap perkara-perkara yang boleh mendorongkan sesaorang melanggar hukum-hukum Islam seperti berzina dan lain-lain.
 11. Mendesak Kerajaan Persekutuan supaya mengadakan peruntukan yang membolehkan hukuman sebat dijalankan di khalayak ramai.
-

Hukuman Sebat di dalam Undang-Undang Islam dan Undang-Undang Awam di Malaysia.

Di dalam Al-Quran ada beberapa ayat mengenai hukuman keseksaan antaranya ayat-ayat yang maksudnya seperti berikut -

(1) Oleh kerana itu Kami tetapkan suatu hukum bagi Bani Israel bahawa: barang siapa yang membunuh seorang manusia bukan kerana orang itu membunuh orang lain atau bukan kerana membuat kerosakan di muka bumi, maka seakan-akan dia telah membunuh manusia seluruhnya. Dan barang siapa yang memelihara kehidupan seorang manusia, maka seolah-olah dia telah memelihara kehidupan manusia semuanya. Dan sesungguhnya telah datang kepada mereka rasul-rasul Kami dengan membawa keterangan-keterangan yang jelas kemudian banyak diantara mereka sesudah itu sungguh-sungguh melampaui batas dalam berbuat kerosakan di muka bumi (5:35).

(2) Sesungguhnya pembalasan terhadap orang-orang yang memerangi Allah dan Rasulnya dan membuat kerosakan di muka bumi hanyalah mereka dibunuh atau disalib atau dipotong tangan dan kaki mereka dengan bertimbal balik atau dibuang dari negeri tempat kediamannya. Yang demikian itu sebagai suatu penghinaan untuk mereka di dunia dan di akhirat mereka beroleh seksaan yang besar. Kecuali orang-orang yang taubat diantara mereka sebelum kamu dapat menguasai menangkap mereka: maka ketahuilah bahawa-sanya Allah Maha Pengampun Maha Penyayang (5:36-37).

(3) Hai orang-orang yang beriman diwajibkan atas kamu qisas berkenaan orang yang dibunuh: orang merdeka dengan orang merdeka, hamba dengan hamba, dan wanita dengan wanita. Maka barangsiapa yang mendapat suatu pema'afan dari saudaranya, hendaklah yang memaafkan mengikuti dengan cara yang baik dan hendaklah yang diberi maaf membayar diat kepada yang memberi maaf dengan cara yang baik. Yang demikian itu adalah suatu keringanan dari Tuhan kamu dan suatu Rahmat. Barangsiapa yang melampaui batas sesudah itu, maka baginya seksa yang sangat pedih.

Dan dalam qisas itu ada jaminan kelangsungan hidup bagimu, hai orang-orang yang berakal, supaya kamu bertakwa". (2:178-179).

(4) Dan tidak layak bagi seorang mukmin membunuh seorang mukmin yang lain kecuali kerana tersalah tidak sengaja dan barangsiapa membunuh seorang mukmin kerana tersalah hendaklah dia merdekakan seorang hamba yang beriman serta membayar diat yang diserahkan kepada keluarganya si terbunuh itu kecuali

...2/-

jika mereka keluarga si terbunuh itu bersedekah. Jika dia (si terbunuh) dari kaum yang memusuhi-mu, padahal dia mukmin maka hendaklah si pembunuh merdekakan hamba yang beriman. Dan jika dia (si terbunuh) dari kaum yang ada perjanjian damai antara mereka dengan kamu, maka hendaklah si pembunuh membayar diat yang diserahkan kepada keluarganya si terbunuh serta memerdekan hamba yang beriman. Barangsiapa yang tidak memperolehnya maka hendaklah si pembunuh berpuasa dua bulan berturut-turut untuk penerimaan taubat dari Allah. Dan adalah Allah Maha Mengetahui Lagi Maha Bijaksana. Dan barangsiapa yang membunuh seorang mukmin dengan sengaja maka balasannya ialah Jahanam: kekal ia dalamnya dan Allah murka kepadanya dan mengutuknya serta menyediakan azab yang besar baginya (4:92-93).

(5) Dan kami telah tetapkan terhadap mereka didalamnya (At Taurat) bahwasanya jiwa dibalas dengan jiwa, mata dengan mata, hidung dengan hidung, telinga dengan telinga, gigi dengan gigi dan luka-lukapun ada qisasnya. Barangsiapa yang melepasikan hak qisasnya maka melepaskan hak itu menjadi penebus dosa baginya. Barangsiapa tidak memutuskan perkara menurut apa yang diturunkan Allah maka mereka itu adalah orang-orang yang zalim. (5:48)

(6) Perempuan yang berzina dan laki-laki yang berzina deralah tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali dera dan janganlah belas kasihan kepada keduanya mencegah kamu untuk menjalankan agama Allah jika kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat, dan hendaklah perlaksanaan hukuman mereka disaksikan oleh sekumpulan dari orang-orang yang beriman.

(7) Dan jika kamu memberikan balasan, maka balaslah dengan balasan yang sama dengan seksaan yang ditimpakan keatasmu. Akan tetapi jika kamu bersabar, sesungguhnya itulah yang lebih baik bagi orang-orang yang sabar (16:126).

Laki-laki yang berzina tidak akan mengawini melainkan perempuan yang berzina atau perempuan yang mushrik; dan perempuan yang berzina tidak akan mengawininya melainkan laki-laki yang berzina atau laki-laki yang mushrik dan yang demikian itu diharamkan bagi orang-orang yang mukmin (24:2-3).

(7) Dan janganlah kamu mendekati zina: sesungguhnya zina itu adalah suatu perbuatan yang keji dan suatu jalan yang buruk (17:32).

...3/-

. . . 3/-

(8) Dan terhadap para wanita yang mengerjakan perbuatan keji datangkanlah empat orang dari pada kamu untuk menjadi saksi. Kemudian apabila mereka telah memberi persaksian maka kurunglah mereka wanita itu dalam rumah sampai mereka menemui ajalnya atau sampai Allah memberi jalan lain kepadanya. (4:15)

(9) Laki-laki yang mencuri dan perempuan yang mencuri potonglah tangan keduanya sebagai pembalasan bagi apa yang mereka telah kerjakan dan sebagai seksaan dari Allah. Dan Allah Maha Kuasa dan Maha Bijaksana.

Maka barangsiapa bertaubat diantara pencuri-pencuri itu sesudah melakukan kejahatan itu dan memperbaiki diri maka sesungguhnya Allah menerima taubatnya. Sesungguh Allah Maha Pengampun Lagi Maha Penyayang. (5:41-42)

(10) Dan orang yang menuduh wanita-wanita yang baik berbuat zina dan mereka tidak membawa empat orang saksi, maka deralah mereka yang menuduh itu delapan puluh kali dera dan janganlah kamu terima kesaksian mereka buat selama-lamanya.

Kecuali orang-orang yang bertaubat sesudah itu dan memperbaiki dirinya maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun Lagi Maha Penyayang. (24:4-5)

Dari ayat-ayat diatas jelaslah -

- (a) Hukuman sebat diperuntukkan untuk kesalahan zina (100 kali sebat) dan kadhf (80 kali sebat).
- (b) Tidak ada peruntukan hukum penjara atau denda.
- (c) Di ayat-ayat disebut tentang taubat dan pelepasan hukuman.

Di dalam hadith-hadith ada tersebut hukuman sebat seperti berikut -

- (1) Dari Obadah bin Samit berkata bahawa Nabi (s.a.w.) bersabda maksudnya, "Ambillah daripada aku, sesungguhnya telah dijadikan oleh Allah bagi mereka (perempuan-perempuan yang berzina) satu jalan: jika gadis berzina dengan pria hendaklah disebat seratus kali dan dibuang negeri atau daerah selama setahun; dan jika diantara orang yang pernah berkahwin melakukan zina, hendaklah disebat seratus kali dan direjam dengan batu (Muslim, Sahih XI, 188); Mishkat-ul-Masabih Vol.2 muka surat 535 (Hadith 90); Bulughul Maram, Hadith 1161.
- (2) Dari Zaid bin Khalid berkata bahawa dia telah mendengar hukuman dari Nabi (s.a.w.) iaitu seorang yang belum berkahwin yang telah melakukan zina disebat seratus kali dan dibuang dari negeri setahun (Mishkat-ul-Masabih Vol.2 muka surat 534, Hadith 87); Sahih-al-Bukhari Vol. VIII muka surat 544, Hadith 818).

...4/-

- (3) Dari As-Saib bin Yazid berkata kami biasa memukul orang-orang mabuk dengan tangan, kasut, kain baju (yang dijadikan pemukul) dalam zaman Nabi (s.a.w.), Abu Bakar dan permulaan zaman Kalifah Umar. Akan tetapi dalam akhir zaman Kalifah Umar, dia telah menghukumkan orang yang minum arak 40 sebat; dan jika orang yang minum itu menjadi jahat dan liar, dia menghukum 80 sebat. (Sahih-al-Bukhari Vol. VIII muka surat 507 Hadith 770).
- (4) Dari Wael bin Hujr berkata bahawa seorang perempuan telah dipaksa melakukan zina, pada zaman Nabi (s.a.w.). Beliau telah membatalkan hukuman hadd ke atas perempuan itu dan telah mengenakan hukuman hadd ke atas lelaki yang memaksanya itu. Tidak disebutkan samada beliau menetapkan mahr untuknya. (Mishkat-ul-Masabih Vol.2 muka surat 544 Hadith 103).
- (5) Dari Anas bin Malik bahawasanya Nabi (s.a.w.) dihadapkan kepada orang yang telah minum arak maka beliau menjilidnya dengan dua pelapah kurma kira-kira empat puluh kali. Anas berkata, "Abu Bakar pun melakukannya".
Maka setelah zaman Umar orang-orang bermesyuarat dan Abdurrahman bin Auf berkata "Hukuman-hukuman yang paling ringan itu ialah delapan puluh dera". Kemudian Umar memerintahkan hukuman delapan puluh dera itu. (Bulughul-Maram Hadith 1192; lihat Mishkat-ul-Masabih Vol.2 muka surat 561-562, Hadith 136 dan 137).
- (6) Dari Abu Burdah Al-Ansari bahawasanya dia mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda maksudnya, "Tidak boleh dipukul lebih dari sepuluh cambukan, kecuali pada pelanggaran hukum yang telah ditetapkan oleh Allah Ta'ala" (Bulughul-Maram, Hadith 1204; Mishkat-ul-Masabih Vol. 2 muka surat 574 Hadith 167).
- (7) Dari Aishah beliau berkata Rasulullah s.a.w. telah bersabda maksudnya, "Hendaklah kamu elakkan hukuman hudud daripada orang-orang Islam sedaya upaya kamu, jikalau terdapat jalan keluar kamu biarkanlah dia ikut jalannya, kerana seorang Imam andainya tersalah pada memaafkan adalah lebih baik daripada tersalah pada menghukumkannya". (At-Tirmidhy, Jami As-Sahih IV, 33; Mishkat-ul-Masabih VI. 2 muka surat 544 Hadith 102).
- (8) Dari Abu Hurairah berkata Rasulullah s.a.w. bersabda maksudnya, "Lepaskan hukuman hudud apabila didapati penolaknya".
(Ibn Majah Sura II Hadith 2545; Bulughul Maram Hadith 1173).

...5/-

...5/-

- (9) Dari Umar Al Khattab beliau berkata, "Aku mengelakkan hukuman hudud kerana syubhat adalah lebih suka kepada aku; dari aku menjalankannya apabila terdapat syubhat".
- (10) Diriwayatkan oleh Baihaqi dari Ali r.a. beliau berkata, "Tolaklah hukuman-hukuman itu dengan kerana samar-samar". (Bulughul-Maram Hadith 1175).

Imam Nawawi di dalam bukunya Minhaj-et-Taliban ada membahaskan tentang hukuman sebat. Hukuman sebat untuk kesalahan zina harus ditangguhkan jika pesalah terdapat mengidap penyakit.

Hukuman sebat tidak boleh dikenakan ketika pesalah itu berada dalam keadaan mabuk yang membawa kepada berlakunya sesuatu jenayah. Sebat adalah digunakan dalam semua kes dimana hukumannya telah ditentukan dengan cara menggunakan sebat yang mempunyai ulu yang tebal sebesar ganggaman jari (iaitu lebih besar dari batang tumbuhan dan lebih kecil dari batang tongkat) dan batang penyebat itu tidaklah boleh dibuat dari batang pokok yang masih hijau ataupun yang telah kering. Pukulan sebat itu hendaklah dikenakan keatas semua anggota tubuh badan kecuali anggota yang mudah membawa mudharat. Penyebat hendaklah jangan sekali-kali menyebat di muka, dan ini termasuklah kepala mengikut setengah-setengah pendapat. Tangan orang yang kena sebat tidaklah boleh diikat, ataupun ditelanjangkan pakaian dari tubuhnya. Tetapi walaubagaimanapun pukulan sebat itu hendaklah diulangi secara bertubi-tubi supaya ianya melaung-laung kesakitan akibat dari sebatan itu dan sebatan itu dikenakan ke atasnya sebagai hukuman yang boleh dijadikan contoh.

Melakukan kesalahan yang tidak membawa kepada hukuman hudud dan tidak juga melibatkan hukuman qisas hendaklah dihukum mengikut budibicara mahkamah samada dengan penjara, sebat, tempeleng atau amaran. Bentuk dan berat-ringannya hukuman yang akan dikenakan adalah terletak kepada budibicara Khalifah atau Timbalan iaitu Hakim. Walaubagaimanapun mengikut setengah-setengah pendapat amaran tidaklah mencukupi sekiranya kesalahan itu dilakukan terhadap mangsa, tetapi amaran adalah memadai sekiranya kesalahan itu dilakukan terhadap Allah. Sebat hendaklah selalu kurang dari 20 kali sebat bagi abdi, dan kurang dari 40 kali bagi orang-orang merdeka, tetapi setengah pendapat pula mengatakan 20 sebat hendaklah dikenakan kepada semua orang. Tambahan lagi prinsip mengenai hukuman yang dikenakan diatas budibicara hendaklah tidak melebihi hukuman minima yang telah ditetapkan sebagai hukuman bagi kesalahan-kesalahan yang hukumannya ditentukan dan ini boleh dipakai kepada semua

...6/-

...6/-

kesalahan-kesalahan. Jika pihak mangsa memaafkan si-penjenayah, umpamanya, hukuman yang telah ditentukan bagi kesalahan fitnah, maka Khalifah tidaklah boleh menggantikan hukuman itu dengan hukuman mengikut budibicara; tetapi dalam kesalahan-kesalahan yang hukumannya terletak diatas budibicara, dan pihak mangsa telah memaafkan, maka Khalifah mempunyai hak yang mutlak untuk mengenakan ke atas pesalah-pesalah suatu hukuman yang berpatutan.

Ibn Taimiyyah pula dalam bukunya "As-Siyasah-ash-Shari'yyah" telah berkata -

"Sebat, sebagaimana yang diwajibkan oleh hukum Syara' ialah suatu jenis sebat sederhana dengan camti yang tidak terlampaui ringan dan tidak terlampaui berat." Dalam hubungan ini, Syedina Ali Radi Allah Anhu, telah bersabda,

"Pukullah diantara dua jenis pukulan yang keterlaluan; pukulan itu janganlah terlalu ringan atau terlampaui berat; dengan menggunakan camti dimana camti itu hendaklah diantara camti yang tidak terlampaui lembut dan tidak terlampaui keras". Oleh itu cara yang paling sederhana haruslah dikekalkan. Tetapi walaubagaimanapun, sebat tidak boleh dijalankan dengan menggunakan tongkat atau jenis camti yang mempunyai besi dihujungnya. Menyebat dengan suatu dirrah (camti ringan) tidaklah memadai dalam hukum hadd, (iaitu jenayah yang lebih besar) walaupun ia-nya digunakan dalam ta'zir (iaitu hukuman dalam kes jenayah yang lebih ringan).

Sebaliknya hukuman Syar'i hendaklah dijalankan dengan sebat biasa. 'Umar Ibn al-Khattab, R.A.A. pernah menghukum dengan sebat yang ringan dengan dirrah, tetapi apabila kes itu merupakan hukuman Syar'i, maka ia akan menggunakan sebat.

Bukanlah semua pakaian orang yang kena sebat ditanggalkan apabila ianya disebat, tetapi pakaian yang boleh menghalangnya daripada merasai kesakitan sebat itu hendaklah ditanggalkan, umpamanya jika ia telah mengalas bahagian pakaianya dengan alasan bulu-bulu haiwan dan sebagainya, maka ini hendaklah ditanggalkan. Ia juga tidak boleh diikat kepada tiang sekiranya itu tidak diperlukan; begitu juga pukulan itu tidak boleh dikenakan ke atas muka atau wajahnya. Nabi Mohammed s.a.w. pernah bersabda,

"Apabila kamu mengenakan hukuman sebat maka hendaklah kamu mengelakkan muka orang yang dihukum itu dan mana-mana bahagian tubuh badan yang boleh membawa maut tidaklah boleh dikenakan sebat".

...7/-

...7/-

Tujuan hukuman sebat ialah untuk memulihkan pesalah-pesalah, dan dalam jenayah-jenayah kecil hukuman itu tidaklah boleh membawa kepada kematian. Tiap-tiap bahagian anggota lain hendaklah mendapat sebatan yang sama banyak dalam sebatan itu, iaitu punggung, bahu dan pinggang".

Satu persoalan yang timbul ialah samada jenis-jenis hukuman yang disebutkan didalam Al-Quran dan Hadith itu akan mengikat orang-orang Islam selama-lamanya dan harus diikuti mengikut cara dan bentuknya yang asal tanpa apa-apa perubahan. Disini mungkin ada dua pendapat. Satu pendapat yang dipetik oleh Sir Muhammad Iqbal dari Shah Waliullah, seorang ulamak di India. Dia berpendapat bahawa biasanya undang-undang yang diwahyukan kepada seorang nabi dan dilaksanakan olehnya adalah diwahyukan mengikut tabiat, cara hidup dan keadaan khas orang-orang dan tempat dimana nabi itu secara khususnya diutuskan. Seseorang nabi yang ingin mengadakan prinsip-prinsip yang boleh dikenakan secara am kepada semua orang pada setiap masa dan tempat tidak boleh menetapkan prinsip-prinsip yang berlainan untuk orang-orang yang berlainan atau membiarkan mereka mengadakan peraturan mereka sendiri. Caranya ialah bagi mendidik sesuatu kaum dan menggunakan kaum itu sebagai contoh dan punca untuk mewujudkan sesuatu shari'at untuk sekalian manusia. Didalam pelaksanaan cara itu beliau mencuba menekankan prinsip-prinsip yang sesuai untuk seluruh manusia dan mengenakan prinsip-prinsip kepada keadaan-keadaan dan kes-kes yang tertentu memandangkan kepada cara hidup kaum yang ianya secara khusus diutuskan. Hukum-hukum yang terdapat melalui cara ini, umpsamanya peruntukan mengenai hukuman jenayah, boleh dikatakan khusus untuk kaum itu sahaja; dan oleh kerana hukuman-hukuman itu tidak menjadi tujuan mutlak dengan sendirinya, maka pelaksanaannya tidaklah semestinya dikenakan kepada orang-orang kemudian. Inilah sebabnya, kata beliau, Imam Abu Hanifah tidak banyak menggunakan hadith dalam menentukan hukum.

Sebaliknya Professor S.M. Yusuf memetik pendapat yang lain dari Shah Waliullah. Didalam bukunya Hujjat ul-Balighah Shah Waliullah telah menerangkan pentingnya "bentuk" (form). Mengikut beliau, semua perbuatan yang disunnatkan didalam Hadith adalah didalam bentuk yang tak berubah yang berdasarkan prinsip (spirit) yang tinggi dan murni. Pengertian dan kefahaman kepada prinsip itu tidak harus membawakan kita memandang rendah kepada bentuk, bahkan kita didorong untuk mengikut dan menegakkan bentuk itu. Perhubungan antara

...8/-

kedua-duanya -- bentuk dan prinsip -- adalah sangat penting dan tidak boleh dipisah-pisahkan: bentuk adalah merupakan contoh yang sebaik-baiknya dan kewujudan yang tepat bagi prinsip itu -- yang satu menunjuk dan menerangkan yang satu lagi, seperti perkataan kepada fikiran, tulisan kepada percakapan dan gambar kepada objek yang digambarkan. Tidak boleh dinafikan bahawa jika kita tidak mematuhi dan mengikut perbuatan-perbuatan dan cara-cara yang telah diperuntukkan bagi kita, maka ini adalah suatu bahaya, oleh kerana kita mungkin cuba menyalahkan apa yang telah ditetapkan oleh Sunnah Nabi (s.a.w.) dan membuka pintu kepada bida'at dan dosa. Misalnya, jika seorang membawa biji tumbuhan dan mengatakan bahawa kita harus ambil biji yang ada dalam kulitnya sahaja dan kita tidak memerlukan kulitnya, maka jawabnya, biji itu memerlukan kulit dalam bentuk itu untuk kehidupan dan keselamatannya dan jika kulit itu ditukarkan, mungkin biji itu akan musnah. Begitulah ibaratnya antara prinsip dengan bentuk seperti biji dengan kulitnya; kedua-duanya tidak dapat dipisah-pisahkan.

Didalam Islam ada terdapat teori hukuman dan keseksaannya yang tersendiri. Tujuan undang-undang Islam ialah menegakkan keadilan dan sebelum seorang gitu dihukum, maka semua keadaan dan kejadian yang bersangkutan dengan kesalahan itu harus diperiksa dan dipertimbangkan dahulu.

Didalam perkara ini undang-undang Islam melihat daripada dua segi secara serentak -- dari segi penjenayah itu sendiri dan juga dari segi masyarakat amnya. Selepas menimbangkan semua kejadian dan keadaan dari dua segi itu, maka baharulah hukuman dikenakan dengan adil dan saksama mengikut logik dan akal tanpa dipengaruhi oleh teori-teori yang sesat.

Hukuman yang diperuntukkan dalam Islam mungkin dipandang terlalu berat dan primitif jika dipandang sekali imbas sahaja tanpa meninjau tujuan dan maksudnya. Dalam undang-undang Islam sesuatu hukuman tidak akan dikenakan melainkan jika terdapat bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa sebab-sebab yang munasabah dan si-penjenayah itu tidak dipaksa oleh keadaan sekelilingnya. Umpamanya, dalam undang-undang Islam jika seorang mencuri, maka tangannya harus dipotong. Akan tetapi hukuman itu tidak harus dijalankan jika ada apa-apa syak bahawa orang yang melakukan pencurian itu telah didorong untuk berbuat demikian kerana kelaparan.

Undang-undang Islam juga mengenakan hukuman rejam bagi orang yang melakukan zina, akan tetapi hukuman itu tidak boleh

dijalankan melainkan mereka ialah orang-orang muhsan iaitu orang yang telah berkahwin dan apabila terdapat pembuktian yang jelas dan sah dari empat orang saksi yang adil yang telah melihat perbuatan keji itu. Demikian juga dengan kesalahan-kesalahan lain yang boleh dihukum dibawah undang-undang Islam.

Ini jelas dari apa yang telah dihukumkan oleh Syedina Omar Ibn al-Khattab. Tidak ada seorang pemerintah selepas Nabi s.a.w. yang lebih tegas pada menjalankan hukum-hukum Islam dari Syedina Omar. Akan tetapi kita terdapat peristiwa-peristiwa dimana Syedina Omar telah tidak menjalankan hukuman potong tangan untuk kesalahan mencuri dalam tahun kemarau dimana ada kemungkinan orang-orang terpaksa mencuri untuk mendapat makanan.

Telah dikhabarkan kepada Syedina Omar bahawa ada hamba-hamba yang bekerja dengan Hatib ibn Abi Balta telah mencuri unta betina dari kaum Muznah. Apabila mereka disoal, mereka telah mengaku salah diatas perbuatan itu dan Syedina Omar pada mulanya hendak menghukumkan supaya tangan mereka dipotong. Akan tetapi Baginda berkata, "Demi Allah saya seharusnya menghukumkan tangan mereka dipotong jika saya tidak diberitahu bahawa tuan kepada hamba-hamba itu tidak memberi mereka makanan yang cukup dan oleh kerana itu mereka terpaksa mencuri". Beliaupun berkata kepada tuan kepada hamba-hamba itu, "Demi Allah saya tidak menghukumkan tangan mereka dipotong, tetapi sebaliknya saya menghukumkan kamu membayar denda iaitu dua kali harga unta itu kepada tuan unta itu".

Dari peristiwa ini jelaslah bahawa didalam Islam hukuman tidak harus dijatuhkan jika terdapat keadaan-keadaan yang mendorong dan memaksa seorang melakukan kesalahan itu. Prinsip ini boleh disandarkan kepada Hadith Nabi s.a.w. yang bermaksud, "Elakkan hukuman jika ada samaran".

Jika kita mempelajari falsafah hukum Islam kita mendapati bahawa Islam mencuba membersihkan masyarakat dari perkara-perkara dan keadaan-keadaan yang mendorong kepada jenayah dan kesalahan. Selepas menjaminkan keadaan seperti itu, maka baharulah hukuman pencegahan dan hukuman yang adil dapat dikenakan kepada orang-orang yang melakukan kesalahan tanpa sebab-sebab yang munasabah. Apabila sesuatu masyarakat tidak berjaya dalam menghapuskan keadaan yang boleh mendorong kepada kesalahan dan jenayah dan apabila ada keraguan dan syak mengenai kesalahan yang dilakukan, maka hukuman yang ditetapkan itu tidak harus dijatuhkan dan pemerintah atau qadi atau hakim harus membebaskan orang yang dituduh atau memberi hukuman yang ringan, seperti sebat atau penjara, mengikut kadar tanggungan jenayahnya terhadap kesalahan itu.

...10/-

Islam telah mencuba seberapa boleh untuk mengelakkan keadaan didalam masyarakat yang mendorong kepada jenayah. Kekayaan dan harta harus dibahagikan dengan cara yang adil kepada semua penduduk didalam sesebuah negara. Didalam masa Syedina Omar, Islam telah berjaya membasmikan kemiskinan dan pengangguran. Pemerintah adalah bertanggungjawab dalam menyediakan saraan hidup tiap-tiap rakyat didalam negeri itu tanpa mengira ugama, bangsa, bahasa, warna kulit atau pangkatnya. Pemerintah adalah juga bertanggungjawab menjaminkan pekerjaan kepada semua rakyat. Apabila seorang tidak berjaya untuk mendapat pekerjaan atau jika ia tidak terdaya untuk bekerja, maka bantuan harus diberi kepadanya dari Baitulmal. Dengan cara ini Islam menghapuskan semua keadaan yang boleh membawa seorang itu kepada pencurian dan apabila didapati seorang telah melakukan pencurian atau rompakan, maka semua keadaan kesalahan orang itu harus dipertimbangkan dahulu sebelum hukuman dijatuhkan ke atasnya untuk mengelakkan seseorang itu dihukum apabila dia terpaksa melakukan kesalahan itu.

Islam mengakui kuatnya dorongan dan kemauan sex seseorang dan Islam juga memberi jalan untuk seseorang itu menikmati sex yang halal secara perkahwinan. Islam mendorong seseorang untuk berkahwin jika ia mampu dan sekiranya ia tidak mampu, maka bantuan harus diberi oleh Baitulmal supaya dia dapat berkahwin. Sebaliknya pula Islam membersihkan masyarakat dari perkara-perkara seperti pakaian tak sopan, gambar-gambar lucah dan pergaulan bebas tanpa batas yang boleh menaikkan nafsu yang membawa kepada zina. Cita-cita yang murni digalakkan supaya seseorang itu dapat berbakti kepada negara dan masyarakat. Jika ada masa lapang, maka seseorang Islam adalah dinasihat supaya menggunakan masa itu untuk mengingati Allah secara beribadat dan bertaqwa kepadaNya. Dorongan kepada maksiat hendaklah dihapuskan. Jika dalam keadaan demikian itu terdapat juga seseorang itu melakukan sesuatu seperti haiwan dan berani melakukan zina dihadapan empat orang saksi, maka seharusnya lah dihukum dengan hukuman yang berat.

Kesimpulannya sebelum hukuman dikenakan, Islam mencuba membasmikan semua perkara dan keadaan yang boleh membawa dan mendorong kepada jenayah. Selepas itu, jika terdapat seseorang masih melanggar peraturan dan undang-undang, maka ia harus dihukum; akan tetapi hukuman itupun tidak harus dijatuhkan jika terdapat apa-apa syak wasangka.

...11/-

...11/-

Hukuman-hukuman dalam Islam tidak diadakan secara sia-sia sahaja. Tujuannya ialah menakutkan orang yang mungkin ingin melakukan kesalahan itu sungguhpun tidak ada sebab yang mereka boleh berbuat demikian. Sekurang-kurangnya mereka dapat berfikir tentang adanya hukuman yang berat itu sebelum mereka melakukan kesalahan itu. Masyarakat dan orang ramai harus dilindungi dari perbuatan jenayah yang dilakukan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab dan tidak menghiraukan hak-hak dan harta orang-orang lain. Seterusnya Islam tidak melupakan kebijakan orang-orang yang melakukan jenayah. Jika mereka bertaubat, maka hukuman keatas mereka boleh dihapuskan atau diringankan dan mereka juga harus diberi pertolongan dan kemudahan supaya mereka dapat kembali ke jalan yang diredhai oleh Islam.

Encik Hashim bin Mehat, seorang pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia didalam tesisnya telah membincangkan beberapa prinsip tanggungjawab jenayah didalam Islam sebagai perbandingan dengan prinsip-prinsip yang diterima didalam undang-undang Inggeris yang diikuti di Malaysia.

Muhammad Abu Zaharah, Abdul Qadir Audah dan Ahmad Fathi Bahnasi yang merupakan tiga orang tokoh yang banyak menulis mengenai undang-undang jenayah moden Islam mengulas falsafah 'uqubah' didalam jenayah-jenayah Islam ini dengan berbagai bentuk dan pandangan. Intisari dari keputusan mereka ialah, bahawa 'uqubah' dalam jenayah Islam tidak terkeluar dari dasar-dasar untuk menjadi pencegah apa yang dikenali dengan zajr yang ber maksud juga sebagai cegahan yang boleh menjadi tauladan, man'a iaitu menghalang yang lebih kurang maksudnya dengan pencegahan (preventive) jika dipadankan ke dalam jenayah moden, nakalan iaitu sebagai tanda kebencian dan kemurkaan yang menjadi tauladan dari Allah, ta'dib iaitu sebagai pengajaran atau pendidikan terhadap penjenayah dan masyarakat dan juga sebagai istislah iaitu sebagai pembetulan dan pemulihan kepada penjenayah.

Matlamat-matlamat itu yang menjadi asas kepada teori-teori keseksaan dapat dibahagikan kepada dua kategori samada berkaitan dengan pengawalan terhadap masyarakat atau tidak. Satu kategori merangkumi asas-asas dan matlamat-matlamat pembalasan (retribution) kepada penjenayah terhadap apa yang mereka telah lakukan, pembayaran kaffarah (expiation) oleh penjenayah terhadap jenayahnya, dan memuaskan kehendak atau tuntutan anggota-anggota masyarakat untuk keadilan. Kategori

...12/-

...12/-

ini dikenali dengan teori-teori pembalasan (retributive theories). Kategori kedua ialah asas dan matlamat untuk mengurangkan jenayah. Asas ini merengkumi matlamat-matlamat menjaga dan mengawal masyarakat dan anggota-anggota dengan menghalang tingkah laku-tingkah laku tertentu. Pengenaan seksaan dapat menyampaikan matlamat ini dengan mencegah pesalah-pesalah utama, dengan memperbaiki dan memulihkan pesalah-pesalah sebenarnya dan kadang-kadang dengan menahan pesalah tertentu dari meneruskan jenayahnya. Kategori kedua ini dikenali dengan teori-teori penggunaan (utilitarian theories).

(a) Pembalasan (Retributive)

Sesungguhnya faktor atau unsur pembalasan ini adalah nyata dan digambarkan dengan begitu tegas dan terang dalam undang-undang jenayah Islam dengan firman Tuhan dalam surah Al-Ma'idah (V) ayat 38 yang bermaksud:

"Lelaki mencuri dan perempuan mencuri potonglah tangan keduanya (sebagai) pembalasan (jaza') bagi apa yang mereka telah kerjakan..."(5:38).

Tuhan menganggap hukuman potong tangan pencuri sebagai jaza' (balasan) terhadap perbuatan mereka, begitulah dengan hukuman-hukuman hudud yang lain. Bahkan dalam melaksanakan seksaan seumpama itu seperti hukuman sebat kedua-dua orang yang berzina (yang masih bikr) janganlah sekali-kali kita merasa belas kasihan terhadap mereka hingga boleh menghalang kita dari menjalankan seksaan (hukuman) tersebut, firman Tuhan yang bermaksud:

"...dan janganlah belas kasihan kepada keduanya, mencegah kamu untuk (menjalankan) Agama Allah." (24:2).

Begitu juga Tuhan menegaskan dengan perkataan jaza' (pembalasan) dalam jenayah had hirabah, dan jenayah had baghy, dan juga jenayah-jenayah yang lain, dengan firmanNya yang bermaksud:

"Sesungguhnya pembalasan (jaza') terhadap orang yang memerangi Allah dan RasulNya dan membuat kerosakan dimuka bumi, hanyalah mereka dibunuh, atau disalib (disula) atau dipotong tangan dan kaki mereka dengan bertimbang balik, atau dibuang dari negeri (tempat kediamannya). Yang demikian itu (sebagai) satu penghinaan untuk mereka didunia dan diakhirat mereka beroleh seksaan yang besar." (5:33).

...13/-

...13/-

Apabila diakui bahawa seksaan itu adalah sebagai pembalasan, maka seujarnyalah pembalasan itu berbentuk sepadan dan setimpal (mukafaah) dengan jenayah yang dilakukan. Sifat ini adalah jelas dalam jenayah qisas dan seksaan qisas dalam undang-undang jenayah Islam, iaitu hukuman terhadap membunuh orang dengan sengaja dan hukuman terhadap mencederakan orang dengan sengaja, dimana orang yang membunuh orang dengan sengaja tanpa hak adalah dibunuh balas, seperti firman Tuhan antaranya yang bermaksud:

"....diwajibkan keatas kamu qisas (bunuh balas) berkenaan orang yang dibunuh..." (5:45) dan juga pada jenayah tubuh badan dengan firman Tuhan yang bermaksud: "Dan Kami telah tetapkan terhadap mereka didalamnya (At-Taurat) bahwasanya jiwa (dibalas) dengan jiwa, mata dengan mata, hidung dengan hidung, telinga dengan telinga, gigi dengan gigi dan luka-luka (pun) ada qisasnya." (5:45).

Terdapat juga firman Tuhan yang lain, bermaksud:

"Dan jika kamu memberikan balasan, maka balaslah dengan balasan yang sama dengan seksaan yang ditimpakan ke atasmu." (16:126).

(b) Pencegahan (Preventive)

Dalam peranan pencegahan inilah seksaan dalam undang-undang jenayah Islam lebih tegas, lebih padu dan lebih tepat. Pencegahan yang universal (kaffah), iaitu dapat mencegah sebelum jenayah dilakukan, atau setelah dilakukan, maka seksaan itu dapat memberi pengajaran (ta'dib) kepada penjenayah dan menghalang (zajr) orang lain dari menirunya. Sebab itulah terdapat komen tokoh undang-undang Islam iaitu Ibn Humam, mengenai seksaan dalam jenayah Islam dengan katanya yang bermaksud:

"Seksaan menjadi pencegah (mawani') sebelum melakukan jenayah, dan menjadi deraan (zawajir) selepas melakukannya, iaitu dengan mengetahui penguatkuasaan seksaan itu menghalangnya dari melakukan jenayah itu, atau bila dikenakan seksaan selepas melakukan jenayah, dapat menghalangnya dari mengulangi perbuatan itu." (Sharh Fathul Qadir)

Selanjutnya Ibn Humam menegaskan:

"Tujuan asal dari penguatkuasaan seksaan itu ialah untuk inzijar (menghindar, mencegah atau

...14/-

menyeksa) apa-apa yang memudharatkan hamba-hamba Allah (manusia)."

(Sharh Fathul Qadir).

Unsur pencegahan (zajr dan man'a) ini lebih jelas lagi dalam hukuman mencuri yang digambarkan oleh Tuhan, firmannya yang bermaksud:

"Lelaki yang mencuri dan perempuan yang mencuri, potonglah tangan keduanya (sebagai) pembalasan (jaza') bagi apa yang mereka telah kerjakan dan sebagai seksaan (atau tegahan) (nakalan) dari Allah. Dan Allah Maha Pengampun Lagi Maha Penyayang."

(5:38)

Hukuman potong tangan terhadap pencuri adalah sebagai jaza' (pembalasan) terhadap perbuatan itu, dan sebagai nakalan.

Nakalan, mengikut pentafsiran Asfihaniy ialah melemahkan dan menghalang. Iaitu melemahkan penjenayah dan menghalang orang lain dari melakukan sepertimana yang dilakukan oleh penjenayah tersebut.

Tujuan pencegahan ini jelas dalam semua seksaan-seksaan hudud, seperti firman Tuhan yang bermaksud:

"Seandainya Allah tidak menolak (keganasan) sebahagian manusia dengan sebahagian yang lain, pasti rosaklah bumi ini. Tetapi Allah mempunyai kurnia (yang dicurahkan) atas semesta alam." (2:251).

Hukuman-hukuman hudud itu ialah rejam ke atas orang berzina yang muhsan, dan hukuman sebat seratus kali terhadap penzina yang masih bikr, seksaan bagi tuduhan zina tanpa empat orang saksi (qazaf) ialah lapan puluh kali sebat, dan penyaksian orang yang melakukan jenayah tersebut ditolak selama-lamanya. Jenayah minum arak hendaklah dipukul (disebat) sebanyak lapan puluh kali atau empat puluh kali, mengikut dua riwayat yang berlainan. Seksaan hirabah (rompakan dan keganasan) hendaklah dibunuh atau disula atau dipotong tangan dan kaki mereka secara timbal balik atau dibuang negeri atau daerah. Manakala seksaan bagi orang yang murtad ialah bunuh jika ia tidak bertaubat dan dirampas hartanya. Seksaan bagi jenayah baghy (penderhakaan) ialah dibunuh. Begitu juga dengan seksaan qisas bagi kesalahan terhadap nyawa dan tubuh badan, dimana jika membunuh orang dengan sengaja hendaklah

...15/-

...15/-

dibunuh balas, dan orang yang mencederakan orang dengan sengaja hendaklah dicederakan sepetimana kecederaan yang dilakukannya.

Dengan seksaan yang berat dan keras didalam undang-undang jenayah-jenayah Islam terutamanya jenayah-jenayah hudud dan qisas dapat menjadi tauladan dan penghalang kepada orang lain dari melakukan kesalahan yang sama. Oleh itu seksaan sebat bagi penzina yang masih bikr digalakkan orang ramai sekumpulan dari orang Islam menonton seksaan tersebut ketika ianya dijalankan sepetimana firman Tuhan yang bermaksud:

"Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, deralah tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali dera, dan janganlah belas kasihan kepada keduanya mencegah kamu untuk (menjalankan) Agama Allah, jika kamu beriman kepada Allah dan Hari Akhirat. Dan hendaklah (perlaksanaan) hukuman mereka disaksikan oleh sekumpulan dari orang-orang yang beriman." (24:2)

(c) Pemulihan (Reformative)

Dalam seksaan undang-undang jenayah Islam juga terdapat antara matlamatnya ialah ta'dib (pendidikan atau pengajaran) serta istislah (pembaikan atau pemulihan) seperti yang ditegaskan oleh Mawardiyy mengenai tujuan jenayah hudud dan ta'zir dengan katanya:

"Untuk mendidik (ta'dib), memulih (istislah) dan mendera serta mencegah (zajr), yang berbeza mengikut perbezaan kesalahan."

(Al-Ahkam Al-Sultaniyyah).

Sebab itulah Mawardiyy menegaskan bahawa mendera sebagai ta'dib dalam seksaan ta'zir terhadap orang-orang yang bertaraf atau berpangkat hendaklah lebih ringan daripada orang yang tak bertaraf atau berpangkat seumpama itu, berdasarkan satu hadith yang disebutkan oleh Mawardiyy yang bermaksud:

"Kurangkanlah oleh kamu (seksaan ta'zir) terhadap orang-orang yang berkedudukan mengenai kejatuhan (kesalahan ta'zir) mereka, melainkan hudud."

(Abu Daud, Sunan II, 446)

Satu pendapat yang diriwayatkan daripada Abu Abdullah az-Zubairiy dari mazhab Shafi'i mengenai hukuman ta'zir, iaitu penjenayah tersebut boleh dipenjara (dikurung) hingga sebulan untuk penyiasatan (*istibra'*) atau untuk dipastikan kedudukan yang sebenar (*kasyf*) dan boleh juga dikurung hingga enam bulan untuk mendidik atau memperbaiki (*ta'dib* atau *taqwim*).

(d) Kepentingan Awam (Public Interest)

Cita-cita asasi didalam 'uqubah (seksaan) jenayah Islam ialah menjaga maslahat kemanusiaan yang hakiki, iaitu boleh dicapai dengan dua cara, pertamanya, dengan menjaga kelebihan atau kebaikan serta melindungi masyarakat dari sebarang angkara, dan keduanya, dengan menyediakan munafaat atau maslahat yang am. Oleh itu, undang-undang jenayah Islam terutamanya hudud dan qisas adalah ditujukan khas untuk menjaga lima unsur asasi dalam kehidupan insan yang sejati iaitu, ugama, nyawa (termasuk tubuh badan) akal fikiran, keturunan dan harta benda.

Imam Ghazali menegaskan:

"Sesungguhnya mencari munafaat dan menolak kemudharatan adalah tujuan hidup manusia, maslahat manusia akan tercapai melalui pencapaian tujuan mereka. Tapi apa yang kita maksudkan dengan maslahat itu ialah menjaga perkara-perkara yang menjadi tuntutan syara' keatas manusia ialah lima: iaitu, mereka (manusia) hendaklah menjaga ugama mereka (maksudnya ugama Islam, sebab agama yang lain tidak diterima oleh Allah), nyawa mereka (termasuk tubuh badan), akal mereka, keturunan mereka dan harta-benda mereka. Segala sesuatu yang termasuk didalam penjagaan kelima-lima asas ini adalah maslahat, dan tiap-tiap sesuatu yang meluputkan asas-asas ini adalah kerrosakan (*mafsadah*) dan menolak (mencegah) kerrosakan tersebut adalah juga maslahat. Menjaga asas-asas ini adalah satu peringkat kemestian, iaitu sekutu-kuat peringkat dalam maslahat, contohnya: Syara' menghukum orang fakir yang menyesatkan supaya dibunuh, seksaan ke atas orang-orang yang merika-rika bid'ah dan menghasut, kerana perbuatan-perbuatan itu adalah menghancurkan ugama." (17)

sendiri. Dengan perlaksanaan 'uqubah itu, keselamatan dan kepentingan orang lain terus bersama kepentingan kepentingan yang menyentuh kelima-lima asas diatas ini semakin. Sebab itulah Yang Maha Mulia itu mewajahkan bahawa perlaksanaan hukuman siasat akan berlaku berdasarkan pada orang lain, iaitu dengan ditangkap.

"Dan bagi kamu dalam Negeri dan di luar negeri
adalah hidup hayah yang adil dan pengalaman
yang bijaksana, amanah dan beretika."

(2:179)

Hidup (hayah) yang dimaksudkan dalam firman Tuhan diatas ialah menghidupkan orang lain dengan melaksanakan hukuman siasat ke atas pembunuhan orang. Hidup dalam conceptifan yang lebih besar lagi, dengan menjalankan hukuman ('uqubah) itu dapat menjaga kepentingan orang lain dan mampu melatih mereka, disamping memberikan jaminan keselamatan dan rasa keamanan dari perbuatan-perbuatan jah邪恶. Dengan itu Tuhan mengajak lagi bahawa sebagai makhluk manusia tempr

pada manusia. Syari'at menghukum wajib dilaksanakan hukuman qisas kerana dengannya dapat menjaga nyawa (dan tubuh badan manusia), mewajibkan hukuman had minum arak, kerana dengannya dapat menjaga akal fikiran yang menjadi asas tanggungjawab, mewajibkan hukuman had zina kerana dengannya dapat menjaga keturunan, mewajibkan deraan ke atas perompak-perompak dan pencuri-pencuri kerana dengannya dapat menjaga harta-benda yang menjadi asas kehidupan manusia. Semua manusia adalah memerlukan asas-asas tersebut, dan dengan itu adalah haram meluputkan (merosakkan) kelima-lima perkara tersebut. Untuk mencegah dan membenteryas perbuatan-perbuatan yang merosakkannya itu adalah mustahil tanpa sesuatu agama, atau sesuatu syari'at daripada syari'at-syari'at yang diperlukan untuk membawa kebaikan kepada manusia. Dengan sebab itulah tidak ada perselisihan antara syari'at tersebut disegi pengharaman kekafiran, membunuh orang, berzina, mencuri dan minum arak."

(Al-Mustasfa)

Slahat am dalam ertikata menjaga kepentingan orang lain alah lebih mustahak disamping kepentingan penjenayah itu sendiri. Dengan perlaksanaan 'uqubah' itu, keselamatan dan pentingan orang lain terutama kepentingan-kepentingan menyentuh kelima-lima asas diatas adalah terjamin. Bab itulah Allah Yang Maha Bijaksana menegaskan bahawa perlaksanaan hukuman qisas adalah hidup (hayah) kepada sang lain, iaitu dengan firmannya:

"Dan bagi kamu dalam (hukuman) qisas itu adalah hidup (hayah) wahai orang-orang yang bijaksana, semoga kamu bertaqwah."

(2:179)

Hidup (hayah) yang dimaksudkan dalam firman Tuhan diatas alah menghidupkan orang lain dengan melaksanakan hukuman qisas ke atas pembunuh orang. Hidup dalam pentafsiran yang lebih luas ialah, dengan menjalankan hukuman ('uqubah') tu dapat menjaga kepentingan orang lain dan menyelamatkan mereka, disamping memberikan jaminan keselamatan dan rasa eselesaan dari perbuatan-perbuatan jenayah. Dengan itu Tuhan tegaskan lagi bahawa sesiapa membunuh manusia tanpa

...18/-

hak itu seolah-olah membunuh manusia seluruhnya, dan sebaliknya. Tuhan telah berfirman yang bermaksud:

"Oleh kerana itu Kami tetapkan (suatu hukuman) bagi Bani Israil, bahawa barangsiapa membunuh seorang manusia, bukan kerana orang itu (membunuh) orang lain, atau bukan kerana membuat kerosakan di muka bumi, maka seakan-akan dia telah membunuh manusia seluruhnya. Dan barangsiapa yang memelihara kehidupan seorang manusia, maka seolah-olah dia telah memelihara kehidupan manusia seluruhnya." (5:32).

Begitulah hikmat disebalik konsep hidup dalam ayat Al-Quran diatas dimana dengan menghidupkan seorang manusia adalah seperti menghidupkan zuriatnya, dan mematikannya tanpa hak adalah mematikan zuriatnya. Itulah yang dimaksudkan dengan mematikan (membunuh) manusia seluruhnya atau menghidupkan manusia bererti menghidupkan manusia seluruhnya".

Encik Hashim bin Mehat juga telah membincangkan bolehnya ada keringanan dalam hukuman hudud dan peranan taubat didalam hukum Islam.

Keringanan dalam hukuman hudud bukanlah dengan mengurangkan jumlah atau kadar had atau menukar jenis had yang telah ditentukan, tapi adalah dengan meringankan kadar kekuatan atau kekerasan perlaksanaan hukuman tersebut. Jika seseorang pertama kali disabitkan bersalah dengan satu kesalahan hudud yang boleh disebat seratus rotan misalnya, seperti berzina sebelum muhsan. Jadi jika qadi ingin meringankan hukuman tersebut dengan satu-satu alasan yang sah, maka beliau boleh berbuat demikian dengan mengenakan pukulan (sebat) yang tidak kuat, walaupun jumlahnya tetap seratus kali, atau dengan menggunakan alat (seperti rotan) yang tidak begitu keras atau besar. Begitulah sebaliknya jika qadi ingin memberatkan hukuman/tersebut, seperti sebat dengan alat yang besar atau keras, tanpa menambah, atau menukar kadar dan jenis hukuman tersebut. had tertentu, dia boleh memberatkan hukuman Mengenai peranan taubat terhadap seksaan ini, Ibn Rushd berpendapat terdapat empat keadaan:

Pertama: Taubat hanya menggugurkan had hirabah sahaja, dan tidak memaaafkan kesalahan-kesalahan yang lain, samada jenayah-jenayah itu menyentuh hak-hak Allah (Huququl-Lah) atau hak-hak individu (huququl-adamiyyin), ini ialah pendapat Malik.

...19/-

...19/-

Kedua: Taubat menggugurkan had hirabah dan kesemua jenayah-jenayah yang menyentuh hak Allah seperti zina, minum arak dan mencuri, tetapi tidak menggugurkan hak-hak manusia seperti harta-benda atau darah (nyawa), malainkan bila dimaafkan oleh wali mangsa.

Ketiga: Taubat menggugurkan kesemua jenayah-jenayah hak Allah dan tidak memaafkan jenayah-jenayah yang menyentuh nyawa (darah) dan harta-benda yang masih didapati lagi.

Keempat: Taubat menggugurkan semua hak adamiyyin (hak-hak individu atau manusia) seperti harta atau darah, melainkan pada perkara yang mengganti atau menduduki tempat harta. (Bidayah al-Mujtahid)

Di England, hukuman sebat telah dihapuskan oleh Criminal Justice Act, 1948 (dan di dalam penjara) oleh Criminal Justice Act, 1967, dan hukuman bunuh telah dihapuskan oleh Murder (Abolition of Death Penalty) Act, 1965. Di India, hukuman sebat telah dihapuskan oleh Abolition of Whipping Act, 1955. Di Malaysia, hukuman sebat masih boleh dikenakan oleh mahkamah awam. Sebelum 1953 hukuman sebat boleh dilaksanakan dengan menggunakan cabuk yang diberi nama "Cat-o'-nine tails", akan tetapi dengan Criminal Justice Ordinance, 1953, ini telah dihapuskan.

Peruntukan mengenai hukuman sebat dikanunkan di dalam Kanun Acara Jenayah, Seksyen 286-291. Apabila orang yang dituduh dihukum sebat sahaja, maka hukuman itu hendaklah dilaksanakan pada masa dan tempat sebagaimana yang telah diarahkan oleh Mahkamah (s.286). Apabila si-dituduh dihukum sebat sebagai tambahan kepada hukuman penjara, maka hukuman sebat itu hanya dilaksanakan selepas tujuh hari dari tarikh hukuman itu; atau jika hukuman penjara itu lebih dari empat-belas hari, maka ianya akan dilaksanakan selepas empat-belas hari dari tarikh hukuman itu; atau jika rayuan dibuat dalam masa itu, maka hukuman itu akan dilaksanakan selepas hukuman itu disahkan oleh Mahkamah Rayuan. Hukuman sebat itu hendaklah dilaksanakan secepat mungkin selepas tujuh atau empat-belas hari itu atau selepas mendapat perintah pengesahan hukuman itu dari Mahkamah Rayuan, mengikut mana yang berkenaan. (s.287)

...20/-

...20/-

Bilangan sebat hendaklah disebutkan dalam hukuman itu. Jumlah maksima sebat ialah dua puluh empat kali bagi orang dewasa dan sepuluh kali bagi belia. Hukuman sebat itu adalah dilaksanakan atas bahagian badan yang diarahkan oleh Menteri yang berkenaan dari masa ke semasa. Rotan yang digunakan harus tidak lebih garispusatnya dari setengah inci. Bagi belia, sebat itu adalah dilaksanakan dengan rotan kecil seperti ianya dilaksanakan mengikut tatatertib di sekolah. Jika seseorang itu disabitkan kesalahan di atas dua atau lebih tuduhan yang boleh dihukum dengan sebat, maka jumlah hukuman sebat bagi kesemua kesalahan itu tidak boleh lebih dari dua-puluh empat kali bagi orang dewasa dan sepuluh kali bagi belia. (s.286)

Hukuman sebat tidak boleh dilaksanakan secara beransur-ansur dan tidak juga boleh dikenakan kepada (a) perempuan-perempuan; (b) lelaki yang dihukum bunuh dan (c) lelaki yang Mahkamah berpendapat berumur lebih dari lima-puluh tahun. (s.287)

Hukuman sebat hanya dilaksanakan apabila seorang pegawai Perubatan hadir dan dia mengesahkan bahawa pesalah itu berada di dalam keadaan sihat dan boleh menerima hukuman itu. (s.290) Jika sebat tidak dapat dilaksanakan atas sebab-sebab kesihatan, maka hukuman itu boleh disemak semula oleh Mahkamah dan boleh digantikan dengan hukuman penjara. (s.291)

Hukuman sebat boleh dikenakan oleh Mahkamah Tinggi hingga dua-puluh empat rotan. Mahkamah Sesyen boleh mengenakan hukuman sebat tidak lebih dari dua belas kali dan Mahkamah Magistret Kelas Pertama boleh menghukumkan sebat tidak lebih dari enam kali. Dengan pindaan yang dibuat oleh Akta Mahkamah Rendah (Pindaan) 1978, Mahkamah Sesyen diberi kuasa menghukumkan dengan hukuman sebat hingga dua-puluh empat kali dan Mahkamah Magistret Kelas Satu hingga dua-belas kali. Mahkamah Syariah tidak diberi kuasa mengenakan hukuman sebat, Ini disebabkan oleh kerana mengikut Perlembagaan Malaysia Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidangkuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang persekutuan, dan undang-undang yang berkenaan iaitu Muslim Courts (Criminal Jurisdiction) Act, 1965 hanya memberi Mahkamah Syariah bidangkuasa mengenai kesalahan-kesalahan

...21/-

...21/-

yang boleh dihukum dengan penjara tidak lebih enam bulan dan denda tidak lebih seribu ringgit atau keduanya. Hukuman sebat tidak disebut langsung dalam Akta itu.

Di dalam kes Lim Thian Hen v. Reg (1953) MLJ 213 yang diputuskan oleh Mahkamah Rayuan di Singapura telah disebutkan bahawa hukuman sebat hendaklah dikenakan hanya apabila telah dibuktikan bahawa terdapat kekejaman yang paling dahsyat di dalam kes itu. Kekerasan yang digunakan oleh penjenayah dalam kes itu boleh menyebabkan kecederaan yang bukan sedikit dan kesakitan yang amat sangat. Kes ini telah diikuti di dalam beberapa kes di Malaysia, antaranya Mohamed Ali v. Public Prosecutor (1956) MLJ 84. Di dalam kes Ho Kim Luan and Another v. Public Prosecutor (1959) MLJ 159 si-dituduh telah dituduh kerana mencuba melakukan perasugut. Mereka telah didapati salah dan telah dihukum setahun penjara. Apabila rayuan dibuat kepada Mahkamah Tinggi, Hakim Mahkamah Tinggi telah mengubah hukuman itu kepada setahun penjara dan sebat enam kali. Perkara itu telah dirujukkan kepada Mahkamah Rayuan dan Mahkamah itu diminta memutuskan samada hukuman sebat boleh dihukumkan di dalam kes ini di mana tidak terdapat kekerasa yang telah digunakan oleh mereka yang dituduh itu.

Thomson C.J. dalam keputusannya berkata: "Rujukan telah dibuat oleh peguam bagi pihak orang yang dituduh kepada tidak kurang dari empat kes di dalam masa lima tahun yang lalu di mana Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi berpendapat, secara amnya, bahawa hukuman sebat tidak harus dihukumkan, kecuali di dalam kes-kes yang melibatkan kekerasan atau keganasan dari pihak penjenayah itu. Kami bersetuju dengan pendapat-pendapat itu. Aliran moden dalam cara hukuman dan pembaharuananya jelas menolak hukuman sebat ke atas orang dewasa sebagai suatu langkah yang mundur. Sebaliknya pula kami sedar bahawa bertambahnya Jenayah baharu-baharu ini dan beberapa jenis kesalahan, khasnya perasugut, telah makin merebak, dan ini merupakan suatu kejadian yang tidak diingini dan telah disedari oleh kerajaan yang telah memperuntukkan Ordinan Mencegah Jenayah.

Oleh itu, sungguhpun kami tetap memegang kepada pendapat yang telah disuarakan di mahkamah ini beberapa kali yang lampau, dan sungguhpun pada prinsipnya kami tidak menyokong hukuman sebat kecuali di dalam kes-kes yang melibat kekerasan dan keganasan, tetapi kami juga sedar bahawa terdapat kes-kes yang membolehkan mahkamah menjalankan budibicaranya menghukum

...22/-

dengan hukuman sebat, sungguhpun tidak terdapat kekerasan dan keganasan digunakan. Akan tetapi kami menegaskan di dalam kes-kes itupun mahkamah hendaklah berfikir sedalam-dalamnya sebelum menjalankan budibicaranya. Tiap-tiap kes bergantung kepada faktta-faktanya sendiri dan kepada watak dan latarbelakang pesalah itu."

Hukuman sebat di dalam kes ini telah disahkan.

Di dalam kes Yong Pah Yong v. Public Prosecutor (1959) MLJ 176 pesalahnya ialah seorang pemuda yang berumur dua-puluh tahun yang telah disabitkan atas kesalahan melakukan persusigut dan telah dihukum oleh Yang diPertua Mahkamah Sesyen dengan dua tahun penjara dan sebat lapan rotan. Rayuan telah dibuat terhadap hukuman, dan hanya khusus terhadap hukuman sebat berdasarkan bahawa tidak ada kekejaman sebenarnya telah dilakukan oleh si-pesalah ketika melakukan jenayah itu. Dalam kes ini telah nyata dari keterangan bahawa pesalah itu adalah seorang anggota kumpulan gelap. Good J. menolak rayuan itu dan berkata: "Mengenai perkara hukuman ibezakan dari perkara samada seseorang itu patut disabitkan tau tidak terhadap kesalahan itu, Mahkamah adalah berhak mengambil pengiktirafan kehakiman mengenai apa yang terkenal ang diketahui oleh umum (seperti merebaknya kongsi gelap an bertambahnya jenayah) -----.

alam kes-kes yang walaupun tidak ada kekejaman sebenarnya elah dilakukan atau tidak ada kekerasan sebenarnya di-unjukkan, tetapi di mana kekejaman atau kekerasan adalah idak diragui terlibat (seperti kongsi gelap yang memerasugut) enjahat yang tidak mempunyai kesempatan untuk melakukan ekejaman tersebut boleh dikenakan hukuman sebat seolah-olah ia telah melakukan kekejaman itu."

ukuman sebat mengikut Undang-undang Awam di Malaysia hanya leh dihukumkan di dalam kes-kes yang tertentu. Kes-kes tu adalah seperti berikut -

Inanun Keseksaan

- | | |
|--------|--|
| S. 326 | Dengan sengaja menyebabkan cedera parah dengan jalan menggunakan senjata atau lain-lain benda yang merbahaya. |
| S. 327 | Dengan sengaja menyebabkan cedera untuk mengugut bagi memeras harta atau bagi memaksa supaya perbuatan yang menyalahi undang-undang dilakukan. |

.23/-

nun Keseksaan

- S. 329 Dengan sengaja menyebabkan cedera parah bagi memeras harta atau bagi memaksa supaya perbuatan yang menyalahi undang-undang dilakukan.
- S. 354 Menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah kepada seseorang dengan niat hendak mencabul kehormatan.
- S. 364 Mencolek atau melarikan orang dengan tujuan hendak membunuh.
- S. 376 Rogol
- S. 377 Kesalahan luar tabii'.
- S. 382 Mencuri setelah dibuat persiapan bagi menyebabkan kematian atau cedera dengan tujuan hendak melakukan kesalahan itu.
- S. 384 Pemerasan
- S. 385 Mendatangkan kepada seseorang ketakutan bencana dengan tujuan hendak melakukan pemerasan.
- S. 386 Pemerasan dengan mendatangkan kepada seseorang ketakutan pembunuhan atau cedera parah.
- S. 387 Mendatangkan kepada seseorang ketakutan pembunuhan atau cedera parah dengan tujuan hendak melakukan pemerasan.
- S. 388 Pemerasan dengan jalan mengugut hendak dituduh yang seseorang itu telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum dengan penjara seumur hidup, dsb.
- S. 389 Mendatangkan kepada seseorang ketakutan dituduh kesalahan dengan tujuan hendak melakukan pemerasan.
- S. 392 Rompak pada malam hari.
- S. 394 Dengan sengaja menyebabkan cedera pada melakukan rompak.
- S. 395 Rompak berkumpul.
- S. 396 Rompak berkumpul serta membunuh orang.
- S. 397 Rompak dengan bersenjata atau rompak serta mencuba menyebabkan kematian atau cedera parah.
- S. 399 Membuat persiapan bagi melakukan rompak berkumpul.

...24/-

Kanun Keseksaan

- S. 400 Menjadi seorang daripada kumpulan perompak.
- S. 401 Menjadi seorang daripada kumpulan mencuri yang merayau.
- S. 402 Berhimpun bagi maksud hendak melakukan rompak berkumpul.
- S. 453 Pencerobohan rumah dengan bersembunyi atau bagi pecah rumah.
(Kali yang kedua atau kemudian).
- S. 454 Pencerobohan rumah dengan bersembunyi atau pecah rumah bagi maksud melakukan kesalahan yang boleh diseksa dengan penjara.
(Kali yang kedua dan kemudian).
- S. 455 Pencerobohan rumah dengan bersembunyi atau pecah rumah setelah persiapan dibuat bagi menyebabkan cedera kepada seseorang.
- S. 456 Pencerobohan rumah dengan bersembunyi atau pecah rumah pada waktu malam.
(Kali yang kedua dan kemudian)
- S. 457 Pencerobohan rumah dengan bersembunyi pada waktu malam bagi maksud melakukan kesalahan yang boleh diseksa dengan penjara.
(Kali yang kedua dan kemudian).
- S. 458 Pencerobohan rumah dengan bersembunyi atau pecah rumah pada waktu malam setelah persiapan dibuat bagi menyebabkan cedera kepada seseorang.
- S. 459 Cedera parah disebabkan maksud melakukan pencerobohan rumah dengan bersembunyi atau pecah rumah.

Dangerous Drugs Ordinance, 1952.

- S. 6A and S. 9 (Act A293) S.6A Impot, eksport dan memiliki candu basah lebih dari 2 kilogramme.

Dangerous Drugs Ordinance, 1952.

- S.9 Impot, eksport dan memiliki candu masak lebih dari 250 grammes.

...25/-

...25/-

Dangerous Drugs Ordinance, 1952

S. 39A (Act A112, A194 and A293)	S.39A	Impot, ekspot atau memindah candu heroin atau morphine 5 grammes atau lebih.
S.39B (Act A293)	S.39B	Memperdagangkan dadah (Trafficking)

Firearms (Increased Penalties) Act, 1971

S.4 (Act A256)	S.4	Menunjukkan senjata apabila melakukan pemerasan, rompakan, dsb.
S.5 - 7	S.5	Mempunyai senjata
	S.6	Menunjuk senjata mainan.
	S.7	Memperdagangkan senjata api. (Trafficking)
	S.130	Membuat senapang atau peluru.

Arms Act, 1960

S.30A (Act 34 of 1968)	S.30A	Memiliki senjata atau peluru didalam keadaan yang menimbulkan anggapan bahawa senjata itu akan digunakan.
------------------------	-------	--

Kidnapping Act, 1961

S.3	Pencolekan untuk wang tebusan.
S.4	Menerima wang tebusan.
S.5(1)	Menawar atau menolong mendapat wang tebusan.

Akta Membaharui Undang-Undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976

S.3	Mengilang samsu gelap.
S.4	Memperdagangkan samsu gelap.

Hukuman sebat telah dilaksanakan mengikut Hukum Islam di Malaysia sebelum datangnya orang Inggeris. Dalam Undang-Undang Melaka ada disebut hukuman ini:-

40.1 Fasal yang keempat puluh pada menyatakan hukum zina itu atas dua perkara: suatu muhsan namanya, laki-laki atau perempuan yang sudah bersuami dengan nikah yang sah. Dan tiada muhsan, laki-laki yang tiada beristeri dan perempuan yang belum bersuami. Bermula maka yang muhsan itu dihukum

...26/-

direjam dan dilontar dengan bata hingga mati. Maka ghair muhsan hadnya didera seratus kali pula dibuangkan keluar negeri itu setahun.

Bermula yang muhsan itu empat perkara: pertama Islam, kedua baligh, ketiga berakal dan keempat tiada ia gila.

Bermula hamba laki-laki dan hamba perempuan hadnya setengah daripada merdeheka lima puluh kali palu.

40.2 Bermula hukum liwat dan menyertai binatang seperti hukum zina juga. Jikalau tiada setubuh sehingga peluk cium juga, dita'zirkan oleh hakim. Jikalau dihadkan, dua puluh juga palunya.

Bermula dihukumkan (oleh) hakim zina dengan ikrar atau dengan empat orang saksi laki-laki yang merdeheka melihat orang zina itu -----.

Bermula jika dua orang saksi berkata: "Kami melihat ia zina pada suatu penjuru; dua orang berkata-kata: "Kami melihat ia zina pada satu penjuru lain maka tiada sabit. Pada hukum zina itu hendak sekata keempatnya saksi itu, maka sabit pada hukum zina maka dihukumkan seperti adat yang tersebut dahulu juga adanya.

41. Fasal yang keempat puluh esa pada menyatakan peri hukum memaki orang haram zadah. Seorang memaki seseorang, maka munkir yang memaki itu daripada tiada ada saksinya, maka didera delapan puluh kali orang yang memaki itu.

42. Fasal yang keempat puluh dua pada menyatakan hukum orang minum arak dan tuak. Barangsiapa minum arak dan tuak atau minum barang minuman yang memabukkan jikalau menderhaka empat puluh kali dera akan dia; jikalau abdi dua puluh kali deranya.

Bermula dihadkan dua perkara, suatu dengan ikrar, suatu dengan dua orang saksi laki-laki. Tiada dihadkan dengan dicium bau tuak ya'ni tiada dihukum padanya.

Daripada huraian diatas jelas menunjukkan bahawa hukuman sebat boleh diberi didalam (a) kes-kes dimana kekerasan atau kekejaman telah dilakukan; dan (b) kes-kes yang dipandang berat dan boleh merebak didalam negara-negara seperti kes-kes mengenai dadah dan senjata api.

Didalam hukum Islam kesalahan zina dan kesalahan yang boleh membawa kepada zina adalah dipandang berat dan oleh kerana

kesalahan-kesalahan seperti itu makin merebak, adalah sewajarnya hukuman sebat diperuntukkan bagi kesalahan-kesalahan seperti itu.

Kuasa memberi hukuman sebat boleh diberi dengan pindaan kepada Muslim Courts (Criminal Jurisdiction) Act, 1965 iaitu memberi kuasa kepada Mahkamah Syariah membicarakan dan menghukum keses yang boleh dihukum dengan sebat tidak lebih dua-puluh empat sebat. Bagaimananya cara sebat itu dijalankan dan samada hukuman itu dijalankan dihadapan orang ramai harus juga dipertimbangkan.

Jika kita merujuk kepada Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam, Kedah 1962 hukuman sebat seharusnya boleh diberi untuk kesalahan-kesalahan berikut -

- | | |
|--------|--------------------------------------|
| S. 144 | Mabuk |
| S. 149 | Bersunyi-sunyian |
| S. 150 | Berzina haram |
| S. 151 | Berzina dengan orang halal kahwin. |
| S. 152 | Berzina dengan orang ditegah kahwin. |

Kita harus menyedari bahawa hukuman sebat seperti yang dijalankan di penjara-penjara di Malaysia dan Singapura tidak mengikut undang-undang Islam dan mungkin tidak sesuai dengan kehendak undang-undang Islam. Tujuan undang-undang Islam bukan semata-mata hendak menyakitkan dan mencederakan seseorang akan tetapi tujuannya ialah memberi ajaran dan amaran kepada orang-orang yang melakukan jenayah dan juga orang ramai. Cara hukuman sebat dijalankan di Singapura (dan mungkin cara yang sama diikuti di Malaysia) adalah diceritakan oleh seorang pegawai penjara seperti berikut -

"Penjenayah yang dihukum sebat dengan rotan akan membawa tanda-tanda penghinaan selama hayat dikandung badannya". Ini telah diceritakan oleh Encik Quek Shi Lei, Pengarah Penjara Singapura, disuatu Sidang Akhbar yang diadakan dalam tahun 1974 (Straits Times 13hb. September 1974). Ia telah menghuraikan secara perincian bagaimana sebat dengan rotan dijalankan dan kesannya terhadap penjenayah. Ia menekankan bahwa penjenayah akan disebat supaya ia "merasai bagaimana pahitnya kekerasan dan kekejaman yang telah mereka kenakan ke atas mangsa-mangsa mereka". Sebagai penguatkuasa hukuman ini, kita akan gagal dalam tanggungjawab kita sekiranya kita tidak menjalankan hukuman itu mengikut hasrat yang ianya telah dibentuk", kata Encik Quek. Untuk menentukan samada

...28/-

ini telah dilakukan, pegawai-pegawai yang menjalankan hukuman ini telah dipilih secara rapi dan senantiasa diberi latihan. Pada masa ini ada empat orang warder di Jabatan Penjara -- semuanya terdiri daripada orang-orang yang besar dan tegap yang memegang gred yang "agak tinggi" dalam seni mempertahankan diri. Apabila mengenakan sebat, seseorang warder akan memegang sebilah rotan yang lebarnya setengah inci dan panjangnya empat kaki, dengan menggunakan keseluruhan berat badannya untuk menyebat dan bukannya kekuatan tangannya sahaja. Kesannya, kulit ditempat pertemuannya dengan rotan itu pada umumnya pecah ternganga dan, selepas tiga sebat punggung penjenayah itu akan berlumur dengan darah.

Di bawah Peraturan Penjara yang wujud sekarang, sebat adalah dikenakan hanya keatas punggungnya sahaja. Semua pukulan sebat sebagaimana yang ditentukan oleh Mahkamah -- Mahkamah Tinggi boleh mengenakan hukuman maksima 24 rotan dan Mahkamah lain boleh mengenakan hukuman maksima 20 rotan -- boleh diberi serentak dan ketika yang sama secara berturut-turut selepas tiap-tiap setengah minit. Si-banduan itu diperiksa oleh Pegawai Kesihatan Penjara sebelum dan selepas hukuman itu dikenakan. Rotan itu direndam dalam air untuk satu malam supaya ianya tidak pecah apabila rotan itu kena punggung penjenayah dan, jika pecah, mungkin sembilu dari pecahan rotan itu akan tinggal dalam daging punggung selepas daripada penjenayah itu mengalami luka-luka.

Bagaimanakah seseorang banduan dipersediakan untuk dirotan? Encik Quek berkata, "Pada umumnya banduan itu akan diberitahu beberapa hari sebelumnya bila ia akan dikenakan sebat. Ianya akan dijalankan secara sulit diluar penglihatan banduan-banduan lain. Banduan itu ditelanjangkan semua pakaianya, diikat pergelangan kakinya dan pergelangan tangannya dikayu galang. Bentuk galang itu samalah dengan bentuk dua huruf "H" yang disambung diatas dan dilebarkan dikakinya seluas tiga kaki. Galang melintang disebelah banduan hendaklah dialas sedikit dan ianya boleh diubah-suai. Galang yang satu lagi mempunyai tali pengikat yang dibuat dari kulit untuk mengikat pergelangan tangan banduan". Encik Quek berkata, "Tali pengikat yang kukuh adalah mustahak oleh kerana semasa sebat dijalankan, sebanyak dari banduan akan menggelepar dengan kuat sekuatnya. Apabila si-banduan diikat pergelangan kakinya ia dibengkokkan sedikit mengikut sudut penuh dipinggangnya.

...29/-

29/-

30/-

Alas yang tebal mestilah diikat melintang keatas pinggangnya untuk mengelakkan dari patah tulang belakangnya. Selepas banduan itu diikat dengan betul, pegawai yang menyebatnya dan seorang pegawai kanan lain akan mengambil tempat masing-masing dikiri kanan banduan itu dan membentulkan kedudukannya dengan mengukur rotan yang ia akan menggunakan.

"Kedudukan yang betul adalah paling mustahak. Sekiranya ia berdiri terlampaui dekat dengan si-banduan, maka hujung rotan itu akan kena lebih jauh dari punggung dan kekuatan pukulan itu akan menyebabkan hujung rotan itu bengkok dan ini akan mengurangkan kesan kekuatan pukulan itu. Jika ianya berdiri terlampaui jauh, maka pukulan itu akan hanya kena sebahagian dari punggung banduan itu sahaja". Pukulan itu akan diikuti dengan membuat bilangan satu, dua, tiga, dsb. dan bilangan seterusnya, pada umumnya, dibuat selepas setengah minit selepas dari pukulan itu kena pada badan banduan.

Kebanyakan banduan selalunya menggelepar kesakitan dengan kuatnya selepas tiga rotan pertama dikenakan. Encik Quek berkata, "Selepas itu kegeleparan akan berkurangan oleh kerana banduan itu tidak bermaya lagi. Pada akhir penyebatan itu mereka yang menerima tiga rotan atau lebih akan berada dalam keadaan pingsan dan tidak sedarkan diri. Kebanyakannya akan rebah, tetapi Pegawai Kesihatan dan pembantu-pembantunya akan memulihkan mereka dan merawat luka-luka akibat dari sebat itu dengan antiseptik. Kebanyakan dari banduan berpura-pura membuat pingsan olok-olok tetapi mereka tidak boleh membodohkan Pegawai Perubatan Penjara. Kehadiran mereka adalah di kehendaki dibawah undang-undang. Tiap-tiap banduan yang di hukum sebat mestilah terlebih dahulu diperiksa oleh seorang Pegawai Perubatan dan disahkan bahawa ianya layak dari segi kesihatannya untuk menerima hukuman sebat itu sebelum hukuman itu dijalankan. Apabila sibanduan didapati tidak layak disebat atau apabila hukuman sebat itu dihentikan atas nasihat doktor sebelum daripada hukuman penuh dikenakan keatas mereka, maka suatu lapuran hendaklah dibuat kepada Mahkamah yang mengenakan hukuman tambahan penjara keatas banduan itu sebagai ganti sebat penuh atau sebahagian dari sebat yang tidak dapat dikenakan keatasnya.

Encik Quek berkata, "Si banduan selalunya takut kepada sebat dengan rotan. Pertama, oleh kerana mereka takut kepada

30/-

kesakitan dan keseksaan dan samada mereka boleh mengawal diri mereka dari melaung-laung ketika sebat itu dijalankan. Sekiranya mereka melaung kesakitan, maka ini akan memalukan mereka dengan sebesar-besar malu. Kedua, parut akibat dari sebat dengan rotan itu tidak boleh sembah sampai bila-bila dan ini akan menjadikan sebagai satu sumber penghinaan baginya disepanjang hayatnya".

Professor Ahmad Ibrahim,
Dekan Fakulti Undang-Undang
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur

27.4.78